

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Isnin, 22 Jun 2020 3:07 ptg
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: CEDI Beri Pendedahan Keusahawanan Menerusi Webinar



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

22 JUN 2020 / 30 SYAWAL 1441H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Fatin Athirah Fadzillah
Gambar oleh: Ahmad Faiz Jamal Abd Nazir

CEDI BERI PENDEDAHAN KEUSAHAWANAN MENERUSI WEBINAR



UUM ONLINE: Peka dengan tanggungjawab untuk memupuk minat dan meningkatkan atribut keusahawanan dalam kalangan pelajar Universiti Utara Malaysia, Bahagian *Business Start-Up*, Institut Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi (CEDI) telah mengadakan Webinar "*Empowering Students Business Start Up*", baru-baru ini.

Panel yang menyertai webinar tersebut ialah Pengurus Program Perniagaan dan Komuniti, MaGIC, Khairul Mazwan Ibrahim Pati; tenaga kepakaran di bawah eUsahawan, MDEC, Hassanul Firman Md Apandi dan Pengarah CEDI, Prof. Madya Dr. Chandrakantan Subramaniam.

Timbalan Pengarah Bahagian *Business Start-Up* selaku moderator, Dr. Wan Norhayati Wan Ahmad berkata, program tersebut bertujuan memberi pendedahan kepada pelajar tentang inisiatif, bantuan

dan program yang disediakan oleh agensi kerajaan, bukan kerajaan, institusi awam dan swasta kepada usahawan pelajar.

Menurutnya, webinar itu diharap dapat memenuhi objektif pengajaran iaitu dari segi memupuk minat pelajar UUM untuk menjadikan bidang keusahawanan sebagai salah satu kerjaya pilihan apabila bergraduasi.

“Inisiatif ini turut memotivasikan semangat peserta untuk menceburi dunia keusahawanan, di samping menyalurkan maklumat berkenaan sokongan institusi kerajaan dengan institusi bukan kerajaan dalam melahirkan usahawan dalam kalangan graduan IPT.

“Program ini dilaksanakan selaras dengan hasrat kerajaan dalam usaha menjadikan keusahawanan sebagai pilihan kerjaya selepas bergraduasi yang bukan sahaja membantu mengurangkan kadar pengangguran graduan, malah membantu pelajar untuk menjana pendapatan sendiri semasa dalam tempoh pengajian,” katanya.

Sementara itu, Dr. Chandrakantan berkata, webinar yang berdurasi 1 jam 30 minit ini telah menerima hampir 3,000 tontonan secara langsung dan beliau bersyukur kerana inisiatif itu jelas sekali mendapat sokongan yang baik daripada institut keusahawanan universiti awam yang lain.

“Antara yang dibincangkan sepanjang webinar ini ialah tentang bagaimana memulakan perniagaan *Start Up*, cabaran yang bakal ditempuhi, persediaan dan ilmu yang diperlukan, jenis bantuan yang diberikan oleh agensi atau badan kerajaan dan bukan kerajaan kepada *Start Up* dalam kalangan pelajar dan bagaimana para pelajar boleh mendapatkan maklumat berkenaan bantuan yang disediakan.

“Saya percaya dengan jaringan dan kerjasama yang baik dengan institut keusahawanan universiti awam yang lain, kita berupaya untuk mengadakan program yang berimpak tinggi bagi menggalakkan aktiviti keusahawanan dalam kalangan pelajar dan bakal graduan, terutamanya di UUM,” katanya.



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.